UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

AMANAT NAIB CANSELOR 2023

Kebolehpasaran Global

AMANAT NAIB CANSELOR 2023

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

ROZIE

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan limpah kurnia–Nya, kita semua diberikan kesihatan tubuh badan dan kekuatan akal, ruang dan kesempatan untuk sama–sama berhimpun pada petang ini sama ada secara fizikal atau secara dalam talian bagi menghayati hala tuju Universiti bagi tahun 2023.

Pada kesempatan ini, saya mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2023** kepada semua warga UiTM walau di mana jua kita berada.

Sama–sama kita berdoa agar tahun ini akan menjadi tahun yang lebih baik, Insya–Allah.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Tahun 2022 telah membawa seribu satu kenangan manis kepada UiTM. Kita telah berjaya meraih pelbagai pencapaian di pelbagai peringkat, dalam pelbagai

bidang melibatkan akademik mahupun bukan akademik, sama ada di dalam negara ataupun di luar negara.

Saya ucapkan ribuan terima kasih atas sumbangan semua warga dalam mengusahakan kejayaan tersebut. Tahniah kepada yang mencipta nama sepanjang tahun 2022.

Marilah kita berikan tepukan yang gemuruh atas kejayaan yang telah dibuktikan oleh seluruh warga dan Pusat Tanggung Jawab yang terlibat.

Sebelum saya meneruskan amanat saya pada hari ini, saya ingin mengajak semua untuk menyaksikan video rangkuman pencapaian kita sepanjang tahun 2022.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Inisiatif bagi mencapai Kompetensi Global Universiti pada tahun 2022 telah kita laksanakan bersama.

Alhamdulillah, usaha ini adalah hasil berkat dan semangat berpasukan bagi memacu UiTM menjadi lebih progresif dan konstruktif dalam mengubah minda serta menghasilkan budaya kerja tangkas yang membolehkan kita berdaya saing di persada global.

Segala kejayaan tersebut adalah bukti kesungguhan dan komitmen warga UiTM dalam meningkatkan kesarjanaan dan kecemerlangan Universiti melalui ekosistem pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan hubungan industri & komuniti yang berkualiti.

Aspirasi ini telah membuahkan hasilnya apabila kita kini telah mula dikenali dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dan sedang bergerak menuju ke arah visi dalam menjadikan UiTM sebagai sebuah

Universiti Terkemuka Dunia dalam masa 2 tahun sahaja lagi (GRU2025).

Mulai tahun ini, setiap pencapaian aktiviti pengantarabangsaan akan dipantau keberkesanannya melalui sistem pengukuran impak yang dikenali sebagai UiTM International Scorecard.

Ini merupakan inisiatif oleh salah satu *Vice–Chancellor's Office Special Project* (VCOSP) untuk mengukur pencapaian dan keberkesanan aktiviti di peringkat antarabangsa bagi mana–mana PTJ.

Setiap pencapaian yang direkod dan dipaparkan secara terus di 'dashboard' yang akan melaporkan pulangan yang dicapai secara serta merta, dalam jangka masa pendek bagi 6 bulan pertama, dan jangka masa panjang sehingga tahun 2025

Pada tahun 2022, kita telah berjaya membina hubungan antarabangsa dengan 25 buah negara yang melibatkan 57 projek pengantarabangsaan.

Syabas diucapkan buat semua warga UiTM yang menjadi pemacu utama Universiti untuk bergerak ke hadapan agar terus dirujuk, dihormati dan dirahmati.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Setiap kejayaan yang dicapai oleh universiti ini tidak akan berlaku tanpa keyakinan dari warganya iaitu para pelajar, barisan staf akademik, pentadbiran dan pelaksana.

Bahkan, keyakinan ibu bapa penjaga jugalah yang menjadikan UiTM sebagai pilihan utama institusi pendidikan tinggi buat anak–anak mereka melanjutkan pengajian.

Sehingga kini, enrolmen pelajar UiTM adalah seramai 187,994 orang iaitu 94% daripada sasaran. Ia bertujuan untuk membuka ruang dan peluang dan aksesibiliti yang lebih besar kepada bumiputera.

Lebih 11 ribu daripada enrolmen pelajar merupakan di peringkat pascasiswazah, dengan 39% di peringkat Doktor Falsafah dan 61% di peringkat Sarjana.

UiTM juga kini mempunyai staf yang jumlahnya turut meningkat kepada seramai 18,818 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 8,850 orang merupakan staf akademik yang turut merangkumi 47 orang warga antarabangsa.

Malah, kita juga mempunyai seramai 3,194 staf dengan kelayakan PhD dengan 186 orang daripadanya berjawatan Profesor.

UiTM turut mempunyai staf yang memegang kelayakan profesional yang membawa gelaran seperti Teknologis, Insinyur, Town Planner, Surveyor, Chemist, Technician, dan banyak lagi.

Tidak ketinggalan, kita juga mempunyai kekuatan staf seramai 9,906 orang staf pentadbiran dan pelaksana.

Pertambahan jumlah warga staf dan pelajar ini sebenarnya berlaku atas dasar keyakinan terhadap kemampuan universiti menyediakan keperluan dan memberikan peluang kepada semua untuk meneroka potensi dan bakat baharu.

Warga UiTM yang saya hormati sekalian,

Saya yakin para pelajar dan pensyarah sudah lazim dengan sistem penilaian *Student Feedback Online* (SuFO) yang bertujuan untuk memaparkan kualiti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penilaian pelajar. Ia merupakan satu daripada input bagi mengukur kualiti program di UiTM.

Jika pensyarah dinilai dengan skor melebihi 80%, ia membuktikan bahawa pensyarah dianggap berkualiti oleh para pelajar dan telah menjalankan tugas dan amanahnya dengan penuh saksama.

Syabas diucapkan kepada 7,482 pensyarah yang telah berjaya mendapat skor melebihi 90% bagi penilaian SuFO mereka tahun 2022.

Di samping itu, berikan tepukan gemuruh buat warga akademik dan para penyelidik UiTM yang telah berjaya memperoleh geran penyelidikan lebih dari 77.6 juta Ringgit merangkumi geran dalam negara, geran penyelidikan antarabangsan dan geran daripada pihak industri.

Pada masa yang sama, ketampakan UiTM juga dapat dilihat melalui bilangan MoU/MoA dan LoI yang ditandatangani bersama rakan strategik sepanjang tahun 2022.

Kita mempunyai lebih daripada 724 perjanjian yang telah ditandatangani dan merangkumi 66 buah negara luar serta 193 perjanjian kerjasama dengan industri dan universiti antarabangsa.

Saya amat berterima kasih kepada barisan Penolong Naib Canselor Kolej–Kolej Pengajian, para Rektor dan Dekan atas kejayaan inisiatif pengantarabangsaan ini.

Terima kasih juga buat staf di Pejabat Naib Canselor, UiTM Global dan Pejabat Penasihat Undang-undang yang banyak mempermudah aktiviti–aktiviti pengantarabangsaan ini melalui inisiatif pendigitalan, antaranya *Networked Integrated Legal Affairs Management System* (NILAMs).

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Mulai 15 Mac 2023, Sistem SaringC19 akan digantikan dengan aplikasi Warga@UiTM. Aplikasi ini merupakan sinergi Pejabat Pendaftar bersama Pejabat Naib Canselor, Jabatan Infostruktur, Pusat Kesihatan dan beberapa PTJ lain bagi meluaskan fungsi sistem saringan dengan menampilkan fitur baharu seperti UiTM Prihatin, Kajian Indeks Kegembiraan UiTM, Saringan Penyakit Berjangkit, UniFIT, *Mental Awareness Information*, dan banyak lagi.

Integrasi fitur di dalam satu aplikasi ini amat penting terutamanya untuk keberkesanan operasi dan mengelakkan beban sistem berlebihan dengan misi menuju digitalisasi.

Sebagai Naib Canselor, saya amat mengambil berat mengenai penjagaan dan kebajikan warga universiti.

Ini kerana **'kegembiraan'** merupakan petunjuk utama untuk seseorang memberikan komitmen penuh kepada sesebuah organisasi.

Pada tahun lepas, Indeks Kegembiraan UiTM yang direkodkan telah meningkat dari 72% kepada 75%, yang turut mencapai sasaran indeks yang telah ditetapkan.

Sebagai usaha meningkatkan lagi kegembiraan semua staf, UiTM juga telah memberikan insentif berbentuk kenaikan gred bagi tujuan kenaikan pangkat kepada 1,052 orang staf akademik dan pentadbiran.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada 26 orang staf akademik yang telah dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Gred Khas C dan 205 orang ke Gred 46, 52, 54, 56. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada seramai 59 orang staf pentadbiran kumpulan pengurusan & profesional dan 739 orang staf kumpulan pelaksana yang telah dinaikkan pangkat pada tahun 2022. Saya berdoa agar kejayaan ini akan menjadikan anda terus mencipta kecemerlangan untuk UiTM.

Selain itu, cuti rehat juga merupakan kemudahan yang turut diberikan kepada staf bagi mengimbangi gaya hidup antara bekerja dan menjalani kehidupan harian.

Untuk makluman, seramai 521 orang staf direkodkan mempunyai baki cuti melebihi 70 hari sehingga 31 Disember 2022.

Saya amat kagum apabila staf sentiasa mengutamakan kerja dan amat

menghargai sumbangan yang diberikan pada tahun 2022.

Maka, saya ingin menggalakkan agar staf merancang dan mengambil cuti mengikut kelayakan serta utamakan cara hidup yang sihat, gembira dan seimbang.

Saya juga turut dimaklumkan seramai 1,839 orang staf telah memenuhi Gantian Cuti Rehat (GCR) sebanyak 150 hari.

Syabas diucapkan kepada semua kerana inilah 'hadiah' yang selayaknya kita berikan kepada warga universiti atas komitmen yang diberikan dalam memastikan kualiti akademik dan pengoperasian universiti terus terpelihara.

Semoga kekal beristiqamah dan terus menyumbang tanpa mengenal erti jemu dan terus menjadi inspirasi kepada rakan sekeliling.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Rentetan pandemik COVID–19, Alhamdulillah, Istiadat Konvokesyen ke–93, 94 dan 95 telah berjaya dilaksanakan bagi meraikan kejayaan sejumlah 80,358 graduan UiTM.

Saya faham, bukan mudah untuk menjayakan majlis yang mega dan berprestij ini. Kita turut melakar sejarah sebagai satu-satunya Universiti yang berjaya melangsungkan Istiadat Konvokesyen sebanyak 3 kali dalam setahun sehingga diiktiraf kerana kejayaan mengraduatkan pelajar paling ramai.

UiTM menempah nama dalam Malaysia Book of Records dengan 2 pengiktirafan, iaitu jumlah skrol terbanyak dalam istiadat konvokesyen dan bilangan skrol tertinggi yang disampaikan oleh Naib Canselor.

Ini bukanlah pengiktirafan buat saya semata-mata, sebaliknya, pengiktirafan ini adalah buat semua yang telah menyumbang bakti kepada universiti.

Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada barisan Jawatankuasa Istiadat Konvokesyen UiTM yang terlibat dari semua cawangan termasuk Sabah dan Sarawak.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Persekutuan Alumni UiTM Malaysia yang telah ditubuhkan dengan menyatukan hampir 50 persatuan alumni di bawah 1 payung, 1 suara dengan 1 matlamat untuk menggarap cara dengan keberhasilan impak yang lebih profesional dan berkesan.

Malah, pada Oktober 2020, Pusat Jaringan Alumni, Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) telah memperkenalkan **Tabung Alumni Prihatin 5 Ringgit** sebagai inisiatif untuk membantu pelajar yang terkesan semasa pandemik COVID–19.

Sebagai tanda penghargaan, semasa Sidang Pertama, Istiadat Konvokesyen ke–95 di UiTM Cawangan Sarawak, kita telah mengisytiharkan bahawa tanggal 19 Disember pada setiap tahun akan disambut sebagai 'Hari Alumni UiTM'.

Tarikh ini sebenarnya bersempena tarikh Majlis Konvokesyen Pertama UiTM / ITM yang dikenali sebagai Dewan Latehan RIDA pada tahun 1964.

Warga UiTM yang saya kasihi sekalian,

Pada 19 Januari 2023, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menyeru rakyat untuk membangunkan Malaysia Madani bagi mengangkat martabat dan kegemilang negara di persada dunia.

Dalam ucapannya, beliau mengunjurkan enam rukun bagi memacu aspirasi ini yang melibatkan:

- KeMampanan,
- KesejAhteraan,
- Daya cipta,
- HormAt,
- KeyakiNan, dan
- Ihsan

Tanpa kita sedar, UiTM juga telah menerapkan nilai MADANI ini di dalam diri warga Universiti menerusi nilai ESI–iDART iaitu Kecemerlangan, Sinergi dan Integriti yang perlu diterapkan bersama Ilmu, Disiplin, Amanah, Rajin dan Tanggungjawab.

Malah, seruan ini juga disahut oleh Yang Berhormat, Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin dalam perutusan beliau yang telah berlangsung pada 30 Januari 2023.

YB Menteri telah menekankan 11 azam dan tekad yang akan memberikan citra baharu kepada pelan dan dasar pendidikan tinggi yang akan melestarikan masa depan kita bersama yang telah turut kita sejajarkan dengan teras strategik UiTM iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Pencapaian Berorientasikan Nilai.

Oleh itu, pada tahun 2023, UiTM tertumpu kepada Kebolehpasaran Global atau *Globally Marketable* yang sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah menjadi Universiti Terkemuka Dunia bagi menyokong pembentukan Malaysia MADANI.

Konsep Kebolehpasaran Global ini berkait rapat dengan kemampuan warga UiTM iaitu staf dan pelajar untuk menarik perhatian warga global menerusi pelbagai inisiatif antarabangsa yang giat dijalankan pada tahun lepas.

Tahun ini, kita akan mengukuhkan lagi nama UiTM dengan memperkasa kebolehpasaran warga yang akan

meningkatkan ketampakkan universiti sekaligus menjadikan Malaysia sebagai 'lynchpin' bakat–bakat terunggul seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi.

Hadirin yang saya hormati,

Untuk menjadikan Malaysia sebagai *'lynchpin'* bakat, UiTM akan menyokong pembentukkan hab bakat dan pengetahuan atau pusat ilmu sejagat yang bersifat akademik menerusi pemerkasaan institusi dan pusat penyelidikan.

Sebagai contoh, tahun ini kita mula menubuhkan Pusat Penghasilan Vaksin bagi menyahut seruan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pelancaran Hospital Al–Sultan Abdullah pada 23 Julai 2022 bagi memacu pembentukkan pusat ilmu sejagat di UiTM yang akan mendorong proses pengajaran dan pembelajaran melalui penyelidikan.

Hospital ini merupakan 'Hospital Pengajar Universiti' bagi menggiatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, klinikal, serta penyelidikan.

Ia akan mendorong kepada penemuan baharu dalam bidang penjagaan kesihatan dan perubatan serta menghasilkan vaksin buatan tempatan bagi manfaat global.

Saya berdoa agar usaha ini mampu menjadikan Hospital UiTM ini sebagai sebuah hospital premier bertemakan *'innovative healthcare'.*

Selain itu, kita telah memperoleh dana sebanyak **RM18.69 juta** hasil kerjasama dengan PETRONAS menerusi Renewable Energy Program.

Dana ini disalurkan kepada 7 projek utama yang memberi fokus kepada ekplorasi teknologi bagi kenderaan elektrik termasuklah penghasilan ***lithium-ion batteries***, stesen pengecas, sistem pengecasan pantas tanpa wayar dan

teknologi kitar semula bateri, pengawasan teknologi solar melalui ***Internet of Things*** dan bahan nano untuk penghasilan tenaga.

Hadirin yang dihormati,

Kita semua tahu bahawa universiti keramat ini telah bertapak sejak 66 tahun yang lalu.

Justeru, kita perlu memastikan UiTM terus mampan dan kekal relevan untuk membela nasib anak–anak dan generasi Bumiputera mendatang dengan mengubah persepsi dan keluar dari zon selesa untuk menempah nama bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa.

Bagi memastikan sasaran Kebolehpasaran Global ini dilaksanakan, beberapa perkara perlu kita lakukan sekarang.

Pertama, kita perlu melonjakkan kebolehpasaran pelajar di peringkat dunia.

Saya telah menyaksikan keupayaan mahasiswa UiTM menjadi pilihan majikan di dalam pasaran dunia.

Sudah tiba masanya untuk kita melahirkan pelajar serba lengkap dengan *'smart and sharp skills'* menerusi pembangunan sahsiah atau *'character development'*.

Para pelajar perlu bijak mengambil peluang meningkatkan tahap kemahiran mereka dengan mengikuti pelbagai program yang dianjurkan oleh Universiti seperti projek 5G Ericsson Digital Skills Program dan Program Metaverse XR yang menekankan penggunaan Kecerdasan Buatan / *Artificial Intelligence*, IoT, *Big Data*, *Robotics* dan *Extended Reality*.

Para pensyarah dan barisan profesor juga perlu memastikan pelajar seliaan mereka berupaya dan pintar menguruskan sumber manusia dan teknologi.

Sehubungan itu, setiap fakulti, kolej pengajian atau kampus cawangan perlu mengusahakan sekurang–kurangnya menerima SATU jemputan untuk menjalankan aktiviti pelajar di peringkat antarabangsa atau memastikan SEORANG alumni berjaya mendapatkan peluang pekerjaan di luar negara atau menjadi CEO syarikat baharu.

Hadirin sekalian,

Kita juga perlu meneroka model kehidupan kampus yang bersifat lebih terangkum. Sehubungan itu, kita telah melaksanakan Polisi Pengajian Inklusif untuk Pelajar Berkeperluan Khusus dan Kurang Terwakili yang merangkumi beberapa golongan khas bagi melebar akses dan menyokong prinsip kesaksamaan dalam pendidikan tinggi.

Mereka antaranya terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), atlet, orang asli atau pribumi, suri rumahtangga, ibu atau ayah tunggal yang menyara anak, pesakit kronik dan banyak lagi.

Polisi ini telah digunapakai di UiTM sejak 2021 berdasarkan prinsip inklusif, kebolehcapaian, saksama, keanjalan, dan kesetaraan dalam aspek pengajian pendidikan tinggi.

Bagi membentuk jaringan keselamatan sosial yang komprehensif dan inklusif, kita telah menganjurkan Program Kerjaya Graduan bersama PERKESO Negeri Selangor yang turut memperkenalkan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR).

Ini kerana, mereka yang berkeperluan khusus dan kurang terwakili juga mampu menjadi bakat unggul dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan sektor kreatif.

Pelaksanaan polisi sebegini akan memberikan ruang dan peluang kepada mereka untuk meningkatkan ilmu pengetahuan sedia ada dengan melanjutkan pengajian di peringkat tinggi sekaligus menjadi pilihan modal insan pada peringkat antarabangsa.

Kedua, peningkatan kebolehpasaran staf bukan akademik di peringkat dunia.

Menteri Pendidikan Tinggi telah menekankan mengenai kemahiran dan kecekapan teknologi yang bersifat kalis masa depan.

Ini kerana *'mega trend'* dunia sedang menjurus kepada tiga perubahan utama iaitu *High Arts, High Tech, dan High Touch*. Kita akan memastikan setiap pencapaian berdasarkan inovasi dan kreativiti lebih diiktiraf kerana ini akan mendorong kepada pembentukan pelan peralihan yang lebih relevan.

Justeru, saya menyeru agar semua staf UiTM memastikan kualiti bakat mereka dikembangkan seiring dengan kemahiran, pengetahuan dan pemikiran bertaraf global.

Saya juga menyambut baik inisiatif Ketua-ketua PTJ yang ingin menghantar staf ke luar negara bagi tujuan latihan dan peningkatan kemahiran berprestasi tinggi, namun Garis Panduan JPT dan MOF mesti dipatuhi.

Setiap staf kini perlulah mempunyai pemikiran yang kritis, mampu bekerja secara kolaboratif, dan berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global tanpa mengira skop atau jenis pekerjaan yang dilakukan.

Ketiga, peningkatan kebolehpasaran global staf pelaksana.

Sebagai institusi pendidikan tinggi, kita perlu menyediakan staf pelaksana yang sentiasa bersedia untuk melaksanakan operasi organisasi bertaraf global.

Saya akan memastikan setiap bakat dan potensi staf pelaksana dibongkarkan dan dikenal pasti. Peranan bakat muda akan diketengahkan dari pelbagai latar belakang untuk memupuk kreativiti melalui penambahbaikan secara berterusan.

Untuk itu, saya ingin melihat SATU pentadbir PTJ menghasilkan SATU produk / sistem / inovasi / KIK / Kecemerlangan Operasi atau SOP bertaraf global bagi memastikan staf-staf bukan akademik dan pelaksana dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka.

Seterusnya, keempat adalah membentuk staf akademik bertaraf global.

Sebagai ahli akademik, adalah penting untuk kita memastikan bidang kepakaran kita dapat direpresentasikan melalui pengajaran, hasil penyelidikan dan penerbitan.

Ini juga merangkumi rekod pencapaian profesional pada peringkat tempatan dan antarabangsa menerusi pengiktirafan berdasarkan sumbangan kepakaran berbentuk anugerah, penghormatan, dan keahlian dalam persatuan profesional.

Sehingga kini, UiTM mempunyai seramai 186 profesor yang merupakan barisan pemikir dan penyelidik.

Jadikanlah mereka sebagai sumber inspirasi kita. Jika mereka mampu untuk merealisasikan setiap pencapaian di persada dunia, maka kita tidak boleh memberikan alasan untuk tidak menjadi seperti mereka.

Justeru, SEORANG staf akademik perlu sekurang-kurangnya menerima SATU jemputan aktiviti peringkat antarabangsa sebagai penceramah jemputan, penerbitan, geran, atau MoU.

Manakala, bagi SEORANG staf akademik berjawatan profesor, dapatkanlah SATU jemputan aktiviti dari 300 universiti terbaik dunia atau syarikat Fortune 2000.

Saya juga ingin menyarankan agar staf–staf akademik tidak menghasilkan penulisan secara bersendirian, tetapi secara *co–authorship* bersama para akademik atau penyelidik dari universiti-universiti lain yang mempunyai skor *Field–weighted Citation Impact* (FWCI) yang lebih tinggi berbanding UiTM yang kini berada di skor 0.75.

Ini kerana, kerjasama di antara universiti dengan skor FWCI melebihi 1.00 akan membantu para akademik untuk meningkatkan kebarangkalian nisbah sitasi masing–masing.

Justeru, menerusi usahasama dari cetusan idea Naib Canselor, Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan PTAR, kita akan memperkenalkan platform digital PaperMachine@UiTM yang akan membantu staf akademik untuk menghasilkan penulisan bagi mencapai SATU penerbitan setiap tahun dengan lebih efisien.

PaperMachine@UiTM ini akan menyediakan template penulisan berdasarkan 4 kluster utama iaitu Sains dan Teknologi, Sains Sosial dan Kemanusiaan, Perniagaan dan Pengurusan, serta Sains Kesihatan yang akan memudahkan penghasilan artikel manuskrip dan mendigitalkan proses penulisan di UiTM disamping memanfaatkan pangkalan data yang kita langgan di PTAR.

Hadirin sekalian,

Bagi memastikan kebolehpasaran staf-staf UiTM, tidak kira akademik, pentadbiran mahupun pelaksana, kita akan memastikan fungsi Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) terus diperkasa.

Untuk itu, UiTM akan memperuntukkan bajet sejumlah RM 3 juta bagi merangka program–program berbentuk latihan kepada semua staf UiTM untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang akan membolehkan mereka melaksanakan tugas bertaraf global.

Maka, semua staf UiTM di gesa untuk mengambil peluang dengan menyertai mana–mana program latihan yang dianjurkan oleh pihak ILD sama ada secara fizikal di Bandar Enstek atau Kampung Gajah; mahupun secara dalam talian.

Kelima, kita perlu tingkatkan penglibatan aktif universiti bersama industri dan komuniti.

Sehingga kini, UiTM mempunyai seramai 642,192 alumni yang kini sedang berkhidmat di industri dalam pelbagai sektor yang turut memacu perkembangan komuniti.

Sebagai institusi yang melahirkan modal insan terbesar di Malaysia, kita seharusnya memelihara jaringan industri dan komuniti dengan mewujudkan kolaborasi menerusi pelbagai bentuk program seperti *'mentorship'*, kesukarelawanan, tanggungjawab sosial, dan banyak lagi.

Justeru, kita boleh memacu aktiviti–aktiviti berbentuk SULAM bukan sahaja di peringkat tempatan malah di peringkat antarabangsa seperti yang telah dijalankan oleh Fakulti Undang-undang dengan kerjasama Greenpeace Southeast Asia menerusi webinar turut menampilkan penceramah jemputan dari Universitas Trisakti, Indonesia dan Majlis Bandaraya Shah Alam.

Juga program melibatkan jaringan komuniti dan industri bersama pelajar di peringkat antarabangsa iaitu UiTM Global Volunteering – Mauritius Youth and Community Development 2022 anjuran UG yang telah dilaksanakan dengan jayanya.

Keenam, peningkatan dari segi penglibatan alumni.

Dengan kekuatan lebih 600 ribu alumni, saya ingin menyeru setiap fakulti sama ada di kampus induk mahupun cawangan untuk memastikan usaha berterusan dijalankan bagi mengekalkan dan mengeratkan jaringan yang sedia ada.

Saya ingin melihat lebih banyak kolaborasi dijalankan bersama alumni secara signifikan dan relevan melalui pelbagai

jenis platform di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Maka, semua fakulti / kolej pengajian / kampus cawangan perlu sentiasa berhubung dengan alumni mereka yang berada di luar negara untuk meningkatkan penglibatan alumni di peringkat global.

Hadirin sekalian,

Seorang pemimpin sentiasa diperhatikan dan diikuti segala gerak langkahnya. Baik pemimpinnya, baiklah pengikutnya.

Sebagai pemimpin juga, semestinya akan ada tanggungjawab yang perlu digalas. Pada tahun ini, UiTM telah menggariskan 20 KPI yang perlu dicapai oleh ketua–ketua PTJ yang berkaitan.

Tidak perlu untuk saya huraikan perinciannya satu per satu, tetapi, antara KPI yang ingin saya tekankan ialah:

Sasaran 90% graduan yang bekerja dengan majikan, bekerja sendiri atau melanjutkan pengajian.

Meningkatkan peratusan graduan usahawan sebanyak 7.5%.

Nisbah sitasi staf akademik yang berstatus aktif dalam tempoh 5 tahun di Scopus, WoS, ERA adalah 1:14.

Peningkatan sebanyak RM 70 juta geran penyelidikan menerusi saluran Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

Hadirin yang saya hormati sekalian,

UiTM akan terus merangka pelan inovatif merentas generasi bagi mendepani cabaran utama yang bakal kita hadapi.

Pertama, cabaran kewangan.

Kerajaan sedang bergerak ke arah penjimatan perbelanjaan awam dengan pengurangan peruntukan di seluruh organisasi kerajaan.

Untuk itu, kita perlu mengoptimumkan penggunaan perbelanjaan antaranya menerusi 'penjimatan elektrik' dan penggunaan sumber ***renewable energy***.

Pastikan lampu, kipas angin, penghawa dingin dipadam jika tidak digunakan sama ada di asrama, kolej penginapan, pejabat dan bilik kuliah.

Seluruh warga universiti dipertanggungjawabkan untuk memastikan segala sumber digunakan dengan cermat tanpa pembaziran.

Alhamdulillah, UiTM telah menerima sumbangan dan perolehan dari pelbagai sumber seperti Tabung Endowmen, Tabung ZAWAF, Penjualan nombor plat khas kenderaan UiTM, Peruntukan dari Majlis Tindakan OKU Selangor, dan juga Selangor Youth Community di bawah naungan Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor.

Perolehan ini adalah untuk kelangsungan pembelajaran dan pengajaran serta kebajikan dan kesejahteraan sosial warga UiTM.

Selain itu, beberapa projek penjimatan telah dikenal pasti oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) melalui Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi yang berpotensi untuk dilaksanakan melibatkan wang, keperluan sumber manusia dan masa.

Dalam masa 2 tahun, kita dapat berjimat dengan anggaran pengurangan kos perbelanjaan lebih RM 7 juta untuk sejumlah projek kecemerlangan operasi yang berdaftar. Dari segi sumber manusia, kita dapat menjimatkan penggunaan 665 orang dan dari segi masa, kita dapat berjimat sebanyak 908 hari.

Bagi menyahut azam ke–10 Menteri Pendidikan Tinggi, kita juga akan menyediakan ruang pendidikan yang anjal dengan penggabungan elemen bersemuka dan maya menerusi platform digital dan penggunaan teknologi yang turut akan membantu usaha penjimatan universiti.

Contohnya, Pengemaskinian Fail Kursus dan Fail Pengajaran oleh setiap pusat pengajian, serta UiTM Library oleh PTAR bagi memudahkan pencarian bahan secara dalam talian.

Hadirin yang dihormati,

KPT telah menyarankan agar pelaksanaan Perkhidmatan *End–to–End* (E2E) secara dalam talian sepenuhnya dari awal hingga akhir proses tanpa bersemuka dapat dilaksanakan di UiTM sebelum menjelang tahun 2025.

Saranan ini telah diterapkan di dalam Pelan Strategik Pendigitalan UiTM 2022-2025. Dengan pertambahan 17 perkhidmatan baharu, ianya diharap dapat meningkatkan pencapaian perkhidmatan tahun ini ke 84.39% berbanding 72.34% pada tahun lepas.

Tambahan pula, perubahan teknologi global yang semakin pesat ini seharusnya memberikan impak pengurangan kos yang lebih efektif, sekaligus memacu Pengukuhan Infrastruktur Digital Tersedia dan Selamat berasaskan Teknologi Mampan serta Pemantapan Perkhidmatan Digital Universiti yang sejajar dengan hasrat YAB Perdana Menteri untuk menggerakkan pemodenan sistem universiti.

Cabaran kedua ialah pengurusan persepsi yang menjurus kepada reputasi universiti.

Bagi menangani isu berbentuk serangan di media sosial, kita akan melaksanakan kaedah penyediaan berita dan hantaran positif di pelbagai platform. Maka, Jabatan Komunikasi perlu menyediakan pelan komunikasi menyeluruh dan mendapatkan bahan kandungan untuk tujuan penjenamaan dan reputasi.

Saya ingin menyeru agar semua pihak terutamanya warga UiTM untuk memberikan laluan kepada pihak pengurusan untuk menjelaskan segala khabar angin yang ditomahkan secara

strategik kerana kita seharusnya bersama–sama menjaga nama baik universiti.

Ketiga, isu penyelenggaraan dan penambahbaikan infrastruktur dan infostruktur untuk kegunaan pelajar.

Keselesaan dan keselamatan pelajar amat penting dalam memastikan ekosistem pembelajaran di kampus kekal terpelihara dan kondusif di seluruh Malaysia.

Untuk makluman, lebih 111 juta Ringgit telah diperuntukkan untuk Projek–Projek Pembangunan Kemudahan Pelajar yang merangkumi 4 kategori iaitu:

- Projek menaiktaraf bangunan usang;
- Projek Inisiatif Mesra OKU;
- Projek pengubahsuaian dalaman kolej kediaman; serta
- Projek menaiktaraf fasiliti pelajar.

Kebanyakan peruntukan ini telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Kewangan dan UiTM bagi tujuan menambah baik fasiliti di kampus.

Sehingga kini, sebanyak 29 projek telah disiapkan dan sedang berjalan dengan menggunakan peruntukan pembangunan sebanyak 10.6 Juta Ringgit.

Keempat, cabaran pembentukan modal insan dan bakat dalaman.

Pelajar merupakan antara aset utama dalam mendukung aspirasi GRU2025. Cemerlang graduannya, maka cemerlanglah universiti.

Maka, pelajar perlu membiasakan diri dengan sistem pembelajaran secara mandiri.

Pelajar dinasihatkan untuk bersikap proaktif, reaktif dan lebih berdikari terutamanya dalam menjadi lebih peka dengan persekitaran, pengurusan masa, mendapatkan maklumat, dan sebagainya.

Mulakan dengan mendisiplinkan diri, datang ke kelas tepat pada masa, kemas kini maklumat diri di Student Portal, dan gunakan pusat sumber dengan sebaiknya.

Sifat–sifat beginilah yang akan mendorong pelajar untuk mematuhi pelan pengajian bagi tujuan Tamat Pengajian Dalam Tempoh atau *'Graduate on Time'*.

Kita juga akan memberi peluang dan ruang latihan kepada pelajar untuk mendapatkan pendedahan kepada persekitaran dunia pekerjaan bersama rakan strategik dari industri dan syarikat multi-nasional seperti Malaysia Airlines Berhad, McDonald's, Celcom Axiata, TikTok Malaysia, PERKESO dan banyak lagi.

Cabaran kelima adalah dari segi pengurusan aset dan pengoperasian.

Strategi utama dalam menghadapi cabaran ini adalah dengan menguruskan aset sedia ada secara efisien, bijak dan dalam kadar segera terutamanya aset berbentuk prasarana.

Semua aset di seluruh kampus perlu diselenggara dengan sebaiknya mengikut prosedur operasi standard yang sama.

Untuk itu, UiTM akan memperkenalkan kaedah RFP bagi mengekang ketirisan dalam perbelanjaan wang dan menilai syarikat-syarikat yang akan memberikan perkhidmatan kepada UiTM dengan telus dan berhemah.

Kaedah ini dapat membantu pengoperasian dan pengurusan aset-aset di dalam UiTM dapat dilaksanakan dengan telus dan saksama.

Akhir sekali, cabaran keenam ialah kemampuan menembusi pasaran tempatan dan antarabangsa.

Cabaran ini perlu ditangani dengan memastikan pelajar, staf, program, produk serta perkhidmatan yang disediakan

mencapai standard yang bertaraf global dan bersifat progresif.

PTJ perlu mengambil inisiatif dengan menghasilkan produk atau membentuk sistem baharu yang berinovasi bagi memastikan pengoperasian bertaraf antarabangsa.

Pada masa sama, kita akan memperkasa lagi skim–skim latihan, bimbingan berbentuk ***'coaching'*** dan ***'mentoring'***, serta kaunseling untuk peningkatan kemahiran, pengalaman dan bakat sedia ada pelajar dan staf UiTM.

Hadirin yang saya hormati,

Saya telah mengambil inisiatif dengan melantik sekumpulan penyelidik yang akan mengetuai projek-projek utama di bawah seliaan Pejabat Naib Canselor yang dikenali sebagai *Vice–Chancellor's Special Task Force*.

19 kumpulan penyelidik ini telah dipilih berdasarkan bidang kepakaran mereka yang akan memulakan pemantauan dan mencadangkan solusi bagi menangani beberapa isu dan permasalahan di UiTM dalam tempoh 3 bulan.

Kajian ini juga akan bersifat inklusif kerana mereka telah diberikan ahli kumpulan dengan staf dari pelbagai skim seperti F, J, N, S dan W.

Antara projek yang akan dilaksanakan ialah:

- Penjagaan ruang dan washroom di seluruh sistem universiti
- Pemurnian Kualiti Data untuk transformasi digital
- Penambahbaikan khidmat pelanggan di semua PTJ yang melibatkan pelanggan
- Kerja–kerja baik pulih sistem perpaipan bekalan air dan tangki sedutan di semua kampus.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk makluman, 34 Resolusi telah dibentangkan berdasarkan keputusan

mesyuarat bersama Pengurusan Kanan di program ***UiTM's Embracing Challenges: A Globally Marketable University*** yang perlu dilaksanakan bersama.

Antara resolusinya ialah:

- Pelantikan penyelia utama pascasiswazah yang ditetapkan harus mengikut pilihan pelajar;
- Kaedah Fleksi Kenaikan Pangkat bagi staf pentadbiran akan disemak semula;
- Seorang graduan bidang statistik akan ditindikkan kepada 9 Pengarah Peneraju melalui pengambilan MySTEP atau skim *Graduate Employability*; dan
- Platform penilaian bagi Pemantauan dan Pembangunan Bakat Khusus untuk staf pentadbiran akan dibangunkan.

Resolusi ini diharap dapat membantu semua menghadapi cabaran–cabaran utama yang telah saya sebutkan demi merealisasikan aspirasi GRU2025 bersama–sama.

Warga UiTM yang saya kasihi sekalian,

Sebagai sebuah keluarga besar, kita seharusnya berganding bahu, bersatu padu, berjalan terus menuju kejayaan yang bakal kita harungi bersama.

Saya mahu seluruh warga UiTM pada hari ini, menerapkan semangat kebersamaan meskipun kita datang dari bidang, fakulti, dan gred yang berbeza.

Buat para pelajar, pastikan setiap orang didorong dengan cita–cita yang bakal menjadikan anda sebagai *'super graduate'*.

Berdirilah di atas kaki sendiri dan mulalah belajar untuk menjadi graduan yang mampu untuk berdikari dan menjadi pelajar yang ***'self–sustain'*** agar lebih kompetitif sesama graduan yang lain.

Terapkan rasa empati di dalam hati untuk menjadi insan yang mulia, penuh dengan kasih sayang, dan adil.

Titipkan Qalb dalam setiap detik kehidupan. Gunakan gerak hati dan rasa selain bergantung kepada garis panduan bertulis bagi membuat keputusan yang adil dan tepat.

Akhir kata, pupuklah keyakinan di dalam diri kita semua. Inilah matlamat paling mulia kita sebagai insan di muka bumi ini.

Demi mencapai Kebolehpasaran Global, kita mestilah bekerja bersama.

Sekian.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

AMANAT NAIB CANSELOR 2023

Diterbitkan oleh
Jabatan Komunikasi
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor